

HARI : SELASA
TARIKH : 28/1/2020
MASURAT : 6



Pelancung mengambil langkah berjaga-jaga dengan memakai topeng muka di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka di Batu Berendam, semalam.
(Foto BERNAMA)

'Jangan naik harga topeng muka'

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas pihak yang menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah susulan penularan wabak coronavirus baru (2019-nCoV).

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz, berkata tindakan tegas itu akan dibuat menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Muez berkata, ada lima jenis topeng yang ditetapkan sebagai barang harga terkawal seperti diruntukkan di bawah akta sama.

"Sebarang perlanggaran peruntukan akta ini bagi semua jenis topeng muka yang dinyatakan bo-

leh dikenakan tindakan undang-undang," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Muez berkata, bagi individu boleh didenda hingga RM100,000 atau dipenjarा tidak lebih tiga 3 tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Syarikat pula boleh didenda hingga RM500,000 atau dikompaun hingga RM250,000.

"Bagi topeng muka selain lima jenis yang ditetapkan harga maksimum, kementerian masih ada kuasa mengambil tindakan menurut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

KPDNHEP menjalankan pemantauan berterusan dengan mengarahkan 2,300 penguat kuasa

untuk membuat pemeriksaan.

Lima jenis topeng muka barangan harga terkawal.

(i) Topeng muka (pembedahan/perubatan) satu lapisan (gelung telinga) - harga borong RM5 sekotak, runcit RM7 sekotak

(ii) Topeng muka (pembedahan/perubatan) 2 lapisan (gelung telinga) - borong RM8 sekotak, runcit RM10 dan 20 sen seunit

(iii) Topeng muka (pembedahan/perubatan) tiga lapisan (gelung telinga/gelung kepala) - borong RM25 sekotak, runcit 80 sen seunit

(iv) Topeng muka (pembedahan/perubatan) tiga lapisan (ikatan pada kepala) - borong RM30 sekotak, runcit 80 sen seunit